

48? - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ أَبِي النَّضْرِ مَوْلَى عُمَرَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ أَنَّ زَيْدَ ابْنَ خَالِدٍ أَرْسَلَهُ إِلَى أَبِي جُهَيْمٍ يَسْأَلُهُ مَاذَا سَمِعَ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَارِّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّي فَقَالَ أَبُو جُهَيْمٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّي مَاذَا عَلَيْهِ لَكَانَ أَنْ يَقِفَ أَرْبَعِينَ خَيْرًا لَهُ مِنْ أَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ قَالَ أَبُو النَّضْرِ لَا أَذْرِي أَقَالَ أَرْبَعِينَ يَوْمًا أَوْ شَهْرًا أَوْ سَنَةً

480- 'Abdullah bin Yusuf (at-Tinniisi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Abi an-Nadhr (Salim bin Abi Umaiyah) Maula 'Umar bin 'Ubaidillah daripada Busr bin Sa'id: Bahawa Zaid bin Khalid⁸³⁰ (al-Juhani al-

menunjukkan keadaan-keadaan yang tersebut tadi terkecuali, dan yang terlibat dengan ancaman hanyalah orang yang melintas sahaja, sepatutnya ancaman itu dihadkan kepada orang yang melintas sahaja. **Hadits di bawah bab ini** juga seharusnya dipakai untuk orang yang melintas di hadapan seseorang yang sedang bersembahyang sebagai imam atau ia sedang bersembahyang bersendirian. Adapun orang yang melintas di hadapan ma'mum, dia tidak termasuk dalam ancaman yang tersebut di dalam hadits Abi Juhaim itu. Perbincangan tentang hukum melintas di hadapan ma'mum telah pun berlalu di bawah bab "Sutrah Imam Merupakan Sutrah Orang-Orang (Ma'mum) Di Belakangnya".

⁸³⁰ Demikianlah tersebut di dalam kebanyakan riwayat. Orang yang menghantar Busr ialah Zaid bin Khalid dan orang yang dihantarkan Busr kepadanya ialah Abu Juhaim. Abu Juhaimlah orang yang ditanya oleh Busr tentang hadits berkenaan. Tetapi berdasarkan riwayat Sufyan bin 'Uyainah daripada Abi an-Nadhr di dalam Musnad al-Bazaar, orang yang menghantar Busr bukan Zaid bin Khalid, bahkan sebaliknya Abu Juhaim. Dan orang yang dihantarkan Busr kepadanya bukan Abu Juhaim, tetapi sebaliknya Zaid bin Khalid. Kebanyakan ulama hadits mentarjihkan riwayat Malik, Sufyan as-Tsauri dan lain-lain daripada Abi an-Nadhr kerana tiga alasan. **Pertama:** Mereka menganggap isnad Sufyan bin 'Uyainah adalah isnad yang maqlub (terbalik) dan ia dianggap sebagai salah satu kesilapan dan waham (kekeliruan) beliau. **Kedua:** Riwayat Malik itu selain tersebut di dalam Muwattha', ia juga tersebut di dalam Sahih Bukhari dan Muslim. **Ketiga:** Kesemua perawi-perawi tsiqaat meriwayatkan hadits ini daripada Abi an-Nadhr seperti Malik. Tidak ada siapa pun didapati telah meriwayatkannya seperti Sufyan bin 'Uyainah. Namun begitu Ibnu al-Qatthaan al-Faasi (Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin 'Abdil Malik m.628H) berkata: "Kesilapan Ibnu 'Uyainah itu masih belum pasti sebenarnya. Justeru ada kemungkinan Abu Juhaim menghantar Busr kepada Zaid dan Zaid pula menghantar Busr kepada Abu Juhaim dengan maksud mendapat kepastian tentang apa yang telah didengari masing-masing mereka daripada Nabi s.a.w. Hasilnya kedua-dua mereka meriwayatkan apa yang diingati masing-masing. Abu Juhaim meriwayatkan dengan syak tentang empat puluh, sama ada ia empat puluh hari atau empat puluh bulan atau empat puluh tahun. Zaid bin Khalid pula meriwayatkan tanpa syak. Untuk lebih jelas dan untuk perbandingan, di bawah ini diperturunkan riwayat al-Bazaar berkenaan bersama-sama dengan terjemahannya:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عُبَيْدَةَ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ سَالِمِ أَبِي النَّضْرِ عَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ قَالَ أَرْسَلَنِي أَبُو جُهَيْمٍ إِلَى زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ أَسْأَلُهُ عَنْ الْمَارِّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّي فَقَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيِ الْمُصَلِّي مَاذَا عَلَيْهِ كَانَ لَأَنْ يَقُومَ أَرْبَعِينَ خَيْرًا لَهُ مِنْ أَنْ يَمُرَّ بَيْنَ يَدَيْهِ

Bermaksud: Busr bin Sa'id meriwayatkan, katanya: Abu Juhaim menghantarku kepada Zaid bin Khalid supaya aku bertanya beliau tentang orang yang melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang. Beliau menceritakan, katanya: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

Anshaari, salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w.) telah menghantarnya kepada Abi Juha'im ('Abdullah al-Anshaari, juga salah seorang sahabat Baginda s.a.w.) untuk bertanya beliau, apakah yang beliau telah dengar dari Rasulullah s.a.w. berhubung dengan orang yang lalu di hadapan orang yang sedang bersembahyang. Abu Juha'im⁸³¹ menceritakan, katanya: "Sekiranya orang yang hendak lalu di hadapan orang yang sedang bersembahyang itu tahu apakah yang akan ditanggungnya⁸³² (berupa dosa), sudah pasti dia berdiri saja selama empat puluh (menantikan selesainya orang yang bersembahyang itu) lebih baik baginya daripada melintas di hadapannya." Abu an-Nadhr berkata.⁸³³ "Aku

"Sekiranya orang yang hendak lalu di hadapan orang yang sedang bersembahyang itu tahu apakah yang akan ditanggungnya, sudah pasti dia berdiri selama empat puluh tahun lebih baik baginya daripada melintas di hadapannya."

⁸³¹ Adakah Abu Juha'im dan Abu Jahm orang yang sama atau dua orang yang berlainan? Perbincangan tentangnya telah pun berlalu di bawah باب التَّيْم في الخَضَر. Lihat nota no:15 di bawahnya.

⁸³² Di dalam riwayat al-Kusymayhani terdapat tambahan من الإثم (berupa dosa) di sini. Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Tambahan ini tidak terdapat di dalam riwayat orang-orang lain. Hadits Malik di dalam Muwattha' juga tanpa tambahan ini. Kata Ibnu 'Abdil Barr: "Semua riwayat daripada Malik tidak berbeza tentang tidak adanya apa-apa tambahan di sini." Pengarang-pengarang Sunan Sittah selain Bukhari, pengarang-pengarang kitab-kitab Musnad dan pengarang-pengarang kitab-kitab mustakhraj juga mengemukakan hadits ini tanpa tambahan itu. Saya sendiri tidak pernah nampak tambahan itu di dalam mana-mana riwayat sekali pun. Tetapi ia tersebut begini di dalam Mushannaf Ibnu Abi Syaibah: يعني من الإثم (maksudnya ialah berupa dosa). Boleh jadi tambahan ini tersebut di dalam kitab asal Sahih Bukhari sebagai hasyiah dan Kusymayhani menyangka ia sebahagian daripada kitab asal. Sebabnya ialah Kusymayhani bukannya ahli ilmu. Dia juga bukan hafiz hadits. Dia hanya seorang perawi sahaja. Di dalam kitab al-Ahkam, al-Muhibbu at-Thabari telah mengaitkan tambahan tersebut dengan Bukhari. Kerana itu beliau dan juga pengarang kitab al-'Umdah (al-Ahkaam) dikritik. Ibnu as-Shalaah di dalam Musykil al-Washith membantah orang yang mengatakan tambahan itu ada di dalam hadits asal. Kata beliau: "Pernyataan الإثم (dosa) tidak tersebut secara terang di dalam hadits." Setelah an-Nawawi menyebutkan hadits ini tanpa tambahan tersebut di dalam Syarah Muhazzabnya, beliau berkata: "Menurut satu riwayat yang kami terima di dalam al-Arba'in karangan 'Abdul Qadir al-Hirawi tersebut من الإثم (apakah yang akan ditanggungnya berupa dosa)." Berdasarkan apa yang tersebut di dalam riwayat Ibnu Abi Syaibah jelas tambahan itu merupakan idraj oleh mana-mana perawinya.

⁸³³ Kata-kata Abu An-Nadhr ini mungkin termasuk dalam ucapan Malik. Kalau begitu ia adalah musnad. Mungkin juga ia merupakan ucapan Bukhari. Kalau begitu ia merupakan ta'liq. Demikian komen al-Kirmaani. Tetapi al-'Aini menegaskan bahawa ia merupakan ucapan Malik bukan ucapan Bukhari. Kerana ia memang tersebut sebagai ucapan Malik di dalam Muwattha' melalui segala saluran riwayatnya. Sufyan ats-Tsauri menjadi mutaabi' kepada Malik dalam meriwayatkannya daripada Abi an-Nadhr berdasarkan riwayat Muslim, Ibnu Majah dan lain-lain.

tidak pasti adakah dia (Busr atau Rasulullah s.a.w.) berkata empat puluh hari atau empat puluh bulan atau empat puluh tahun.”⁸³⁴

⁸³⁴ Riwayat al-Bazzaar daripada Sufyan bin 'Uyainah dengan jelas menyebutkan empat puluh tahun. Lihat riwayatnya di dalam nota:830 yang lalu. Riwayat Abu Hurairah berbeza sama sekali daripada riwayat di atas. Kerana di dalamnya tersebut seratus tahun. Lihatlah riwayat Abu Hurairah itu dengan lengkap bersama isnad dan terjemahannya ini: حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا وَكِيعٌ عَنْ عَمْرِو بْنِ مُوَيْهَبٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مُوَيْهَبٍ عَنْ عَمْرِو بْنِ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ يَعْلَمُ أَحَدُكُمْ مَا لَهُ فِي أَنْ يَمُرَّ بِمَنْ يَدَى أَخِيهِ مُعْتَرِضًا فِي الصَّلَاةِ كَانَ لَنْ يَقِيمَ مِائَةَ عَامٍ خَيْرًا لَهُ مِنَ الْخَطْوَةِ الَّتِي خَطَاَهَا Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: “Jika seseorang daripada kamu tahu apa yang diperolehinya dengan sebab melintas di hadapan saudaranya yang sedang bersembahyang, niscaya dia berdiri selama seratus tahun lebih baik lagi baginya daripada melangkah satu langkah sahaja (ketika melintas itu).” (Hadits riwayat Ibnu Majah, Ahmad, Thahaawi, 'Abd bin Humaid, Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibbaan). Walaupun Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan dan beberapa orang ulama hadits yang lain mengatakan hadits ini sahih, namun sebenarnya ia adalah hadits dha'if. Sebabnya ialah di dalam isnadnya ada 'Ubaidullah bin 'Abdir Rahman bin Mauhab seorang perawi yang dipertikaikan. Hafiz Ibnu Hajar di dalam Taqribu at-Tahzib berkata: ليس بقوي (dia tidak kuat). Maksudnya ialah dia dha'if. Yahya bin Ma'in dan an-Nasaa'i juga mengatakan dia dha'if. Bapa saudaranya bernama 'Ubaidullah bin 'Abdillah bin Mauhab. Menurut Imam Syafi'e, Ahmad dan lain-lain, dia seorang yang majhul. Imam Ahmad juga berkata: “Banyak hadits mungkar ada padanya.” Di dalam satu lagi riwayat Abu Hurairah, juga melalui saluran 'Ubaidullah bin 'Abdillah bin Mauhab, tersebut satu tahun bukan seratus tahun. Lihat riwayatnya ini: حَدَّثَنَا حَمْزَةُ بْنُ عَمَارَةَ الْأَصْبَهَانِي حَدَّثَنَا أَبُو قَتَيْبَةَ سَلَمُ بْنُ قَتَيْبَةَ حَدَّثَنَا سَفْيَانُ الثَّوْرِيُّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُوَيْهَبٍ قَالَ سَمِعْتُ عُبَيْدَ اللَّهِ بْنَ عَتْبَةَ يَقُولُ أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ بَيْنَ يَدَيِ الرَّجُلِ وَهُوَ يَصْلِي عُبَيْدَ اللَّهِ بْنَ عَتْبَةَ يَقُولُ مَاذَا عَلَيْهِ لَكَ أَنْ يَقُومَ حَوْلًا خَيْرًا لَهُ مِنَ الْخَطْوَةِ الَّتِي خَطَاَهَا لَمْ يَرَوْهُ عَنْ سَفْيَانَ إِلَّا أَبُو قَتَيْبَةَ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jika orang yang melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang mengetahui apakah yang akan ditanggungnya, niscaya dia berdiri selama satu tahun lebih baik lagi baginya daripada melangkah satu langkah sahaja (ketika melintas itu).” (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam as-Shaghirnya). Oleh yang demikian, hadits Malik dan ats-Tsauri jua seharusnya dipegang dalam soal ketentuan tempoh berdiri itu. **Antara pengajaran, panduan dan hukum-hakam** yang terdapat di dalam hadits di atas ialah: (1) Hadits ini merupakan dalil bagi haramnya melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang. (2) Di dalamnya terdapat larangan yang keras dan ancaman yang dahsyat kepada orang yang melintas di hadapan orang yang sedang bersembahyang. (3) Ancaman sedahsyat ini tentunya menunjukkan perbuatan tersebut adalah tercela dan ia merupakan satu dosa besar. (4) Isnad hadits ini menunjukkan seseorang perawi harus (boleh) menerima sesuatu hadits daripada perawi setara atau segenerasi dengannya. Sama ada untuk mendapatkan hadits yang tidak didengarinya secara langsung daripada gurunya atau untuk mengetahui perbedaan di antara haditsnya dan hadits perawi setaranya. (5) Keharusan berpegang dengan hadits ahaad. Zaid bin Khalid telah bergantung sepenuhnya kepada Busr yang dihantarnya untuk bertanya Abu Juhaim tentang apa-apa yang beliau pernah dengar dari Rasulullah s.a.w. berhubung dengan orang yang lalu di hadapan orang yang sedang bersembahyang. (6) Perkataan لَوْ (jika/sekiranya) boleh digunakan dalam ancaman. Ia telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri. (7) Ibnu Batthaal telah menyimpulkan daripada sabda Baginda s.a.w. لَوْ يَعْلَمُ الْمَارُّ, bahawa dosa yang berat itu hanya ditanggung oleh orang yang mengetahui tentang larangan tersebut sahaja. (8) Zahir hadits di atas menunjukkan bahawa ancaman berat tersebut hanya khusus dengan orang yang melintas sahaja. Ia tidak melibatkan orang yang berdiri tetap di hadapan seseorang yang sedang bersembahyang atau duduk atau

بَابُ اسْتِقْبَالِ الرَّجُلِ الرَّجُلَ وَهُوَ يُصَلِّي وَكَرِهَ عُثْمَانُ أَنْ يُسْقِبَ الرَّجُلَ وَهُوَ يُصَلِّي وَأَيُّمَا هَذَا إِذَا اشْتَغَلَ بِهِ فَأَيُّمَا إِذَا لَمْ يَشْغُلْ فَقَدْ قَالَ
 زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ مَا بَالَيْتُ إِنْ الرَّجُلَ لَا يَقْطَعُ صَلَاةَ الرَّجُلِ

75- Bab Seseorang Bersembahyang Dalam Keadaan Berhadapan Muka Dengan Lelaki Di Hadapannya.⁸³⁵ · Utsman Tidak Suka Seseorang Bersembahyang Dalam Keadaan

berbaring dan tidur di hadapannya. Tetapi jika keadaan-keadaan itu juga mengganggu, mungkin sekali ia dikira seperti melintas juga mengikut sesetengah ulama. Bagaimanapun Bukhari berpendapat ia tetap tidak seperti melintas. Paling tinggi pun ia makruh sahaja. Pendapat Bukhari ini dapat dilihat di dalam bab selepas ini. (9) Zahir hadits di atas juga menunjukkan larangan melintas itu umum untuk setiap orang yang sedang bersembahyang. Tidak kira sama ada ia imam, ma'mum atau orang yang bersembahyang sendirian. Tetapi berdasarkan hadits من ستر الإمام ستره خلفه, ma'mum dikecualikan daripadanya. (10) Kebaikan menuntut ilmu dan memastikan kesahihan ilmu. (11) Keharusan menghantar seseorang untuk mendapatkan ma'lumat yang dikehendaki. (12) Seseorang yang bersembahyang seharusnya tidak mengerjakannya di laluan orang ramai atau di tempat-tempat yang tidak dapat tidak dilalui orang tanpa sutrah. Dia tidak sepatutnya mendedahkan sembahyangnya kepada sebarang kekurangan dan membuatkan orang lain terdedah kepada dosa besar. (13) Perawi hadits ini syak tentang bilangan empat puluh yang disebutkan oleh perawi di atasnya. Adakah ia bermaksud empat puluh hari atau empat puluh bulan atau empat puluh tahun. (14) Bilangan empat puluh di dalam bahasa 'Arab sering kali digunakan dengan maksud menguatkan larangan atau percakapan semata-mata. Ketika itu ia tidak menunjukkan bilangan yang ma'lum dan terhad. Boleh jadi juga Rasulullah s.a.w. memang memaksudkan bilangan yang ma'lum dan terhad, memandangkan riwayat-riwayat lain yang menyebutkan seratus tahun atau satu tahun itu semuanya dha'if dan tidak dapat menandingi hadits sahih di atas.

⁸³⁵ Setelah membuat bab tentang berdosa melintas orang yang sedang bersembahyang, Imam Bukhari bimbang takut-takut ada orang menganggap berada dengan tetap (sama ada dalam keadaan berdiri atau duduk atau tidur) di hadapan orang yang sedang bersembahyang juga sama hukumnya dengan melintas di hadapannya. Selain hendak menyatakan hukumnya tidak sama, kerana orang yang berada dengan tetap di hadapan orang yang sedang bersembahyang itu tidak berdosa sama sekali. Malah adakalanya duduk dengan tetap di hadapan orang yang sedang bersembahyang itu dianggap elok, lantaran ia menjadi sebagai sutrah kepadanya. Imam Bukhari juga bermaksud menimbulkan satu persoalan lain yang juga ada kaitan dengan persoalan sebelum ini, iaitu bagaimana kalau orang yang berada di hadapan orang yang sedang bersembahyang itu tidak duduk dalam keadaan membelakanginya, malah ia duduk dalam keadaan berhadapan muka dengannya? Apakah hukumnya tetap harus? Untuk menjawab persoalan inilah Bukhari mengadakan pula bab di atas. Menerusi bahagian pertama tajuk bab ini beliau sebenarnya mahu mengisyratkan kepada khilaf ulama tentangnya. Beliau juga ingin menyatakan pandangan sendiri dalam masalah ini. Kebanyakan ulama dari kalangan Hanafiyyah, Malikiyyah, Syafi'iyyah dan Hanaabilah berpendapat makruh hukumnya seseorang bersembahyang dalam keadaan berhadapan muka dengan orang yang duduk (berada) di hadapannya. Tetapi bagi Bukhari, tidak makruh kalau ia tidak mengganggu dengannya dan sembahyangnya itu ikhlas kerana Allah. Hukum makruh hanya ada apabila ia terganggu dan khususnya terjejas dengan keadaan tersebut. Guna menyokong pandangannya itulah Bukhari mengemukakan atsar 'Utsman dan Zaid bin Tsabit

Berhadapan Muka Dengan Seseorang.⁸³⁶ Ini Sekiranya Dia Terganggu Dengannya. Adapun Kalau Dia Tidak Terganggu, Maka Zaid Bin Tsabit Pernah Berkata: "Aku Tak Kisah, Kerana Seseorang Tidak Memotong Sembahyang Seseorang Yang Lain."

481- حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ خَلِيلٍ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مُسْهِرٍ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ مُسْلِمٍ يَعْنِي ابْنَ صُبَيْحٍ عَنْ مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهُ ذَكَرَ عِنْدَهَا مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ فَقَالُوا يَقْطَعُهَا الْكَلْبُ وَالْجِمَارُ وَالْمَرْأَةُ فَقَالَتْ لَقَدْ جَعَلْتُمُونَا كِلَابًا لَقَدْ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي وَإِنِّي لَبَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ وَأَنَا مُضْطَجِعَةٌ عَلَى السَّرِيرِ فَتَكُونُ لِي الْحَاجَّةُ وَأَكْرَهُ أَنْ أَسْتَقْبِلَهُ فَأَنْسَلُ أَنْسَلًا وَعَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنِ الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ نَحْوَهُ

481- Ismail bin Khalil meriwayatkan kepada kami, (katanya): 'Ali bin Mushir meriwayatkan kepada kami daripada al-A'masy daripada Muslim iaitu ibnu Shubaih daripada Masruq daripada 'Aaisyah, bahawa pernah disebutkan di hadapan beliau perkara-perkara yang memotong sembahyang. Kata mereka: "Anjing, himar dan orang

dalam bahagian kedua dan ketiga tajuk bab di atas. Dan seterusnya mengemukakan pula hadits 'Aaisyah di bawah tajuk bab itu. Dengan mengemukakan bahagian kedua dan ketiga tajuk bab di atas Imam Bukhari cuba menjama'kan dua atsar yang kelihatan bercanggah. Atsar Saiyyidina 'Utsman menunjukkan makruh, kerana beliau tidak suka seseorang bersembahyang dalam keadaan berhadapan muka dengan orang yang berada di hadapannya. Atsar Zaid bin Tsabit pula menunjukkan keharusan bersembahyang dalam keadaan itu sekalipun. Bagi Bukhari makruh jika terganggu dan tidak makruh bahkan harus jika tidak terganggu. Alasan kebanyakan fuqaha' yang menghukum makruh bersembahyang dalam keadaan seperti itu ialah pada zahirnya ia kelihatan seperti menyembah orang yang berada di hadapannya.

⁸³⁶ Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Atsar 'Utsman ini tidak saya jumpai hingga sekarang. Yang saya lihat di dalam Mushannaf 'Abdur Razzaaq, Mushannaf Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain kitab ialah riwayat Hilal bin Yasaaf daripada 'Umar bahawa beliau mengherdik orang yang berbuat begitu. Di dalam kedua-dua Mushannaf itu bahkan ada riwayat yang menunjukkan 'Utsman tidak menganggap makruh perbuatan sedemikian. Perhatikan dengan cermat. Mungkin kesilapan telah berlaku di dalam kitab asal sehingga 'Umar telah berubah kepada 'Utsman." Hafiz al-'Aini membantah pandangan Hafiz Ibnu Hajar itu dengan katanya: "Tidak semestinya kalau dia tidak menjumpai atsar 'Utsman itu bererti atsar 'Utsman itu memang tidak pernah dinukilkan daripadanya. Adalah salah mengandaikan telah berlaku kesilapan di dalam mana-mana kitab tanpa sebarang dalil. Sekiranya kamu berkata, riwayat 'Abdur Razzaaq dan Ibnu Abi Syaibah yang bercanggah dengan apa yang dikemukakan oleh Bukhari itulah dalil kepada andaian yang dibuat tadi. Maka jawapan saya ialah kita tidak dapat menerimanya. Sebabnya ialah ada juga kemungkinan nukilan daripada 'Utsman kemudian berbeza dengan nukilan daripadanya yang sebelum itu setelah beliau mendapat tahu dalilnya." Tetapi soalnya di dalam kitab manakah terletak nukilan daripada 'Utsman yang terkemudian itu? Bukankah itu juga tidak lebih dari satu andaian semata-mata?? Riwayat Hilal bin Yasaaf daripada 'Umar yang disebut Hafiz Ibnu Hajar itu, perawi-perawinya adalah orang-orang tsiqah. Tetapi ia adalah satu riwayat yang putus (منقطع) sanadnya. Kerana Hilal bin Yasaaf tidak sempat bertemu pun dengan 'Umar.

perempuan memotong sembahyang (seseorang).” Maka ‘Aaisyah berkata: “Kamu telah menjadikan kami (seperti) anjing-anjing. Padahal aku sendiri melihat Nabi s.a.w. bersembahyang dalam keadaan aku berada di antara Baginda dengan qiblat. Aku berbaring di atas katil. Apabila aku ada hajat dan aku tidak senang menghadap Baginda, aku menggelongsor (meloloskan diri melalui kaki katil itu).⁸³⁷ Hadits yang sama

⁸³⁷ Hadits ‘Aaisyah ini bersesuaian dengan tajuk bab yang dibuat Bukhari dipandang dari beberapa sudut berikut: (1) Kata Kirmaani: “Hukum lelaki dan perempuan adalah sama kecuali yang dikhususkan untuk lelaki atau perempuan sahaja oleh syari’at.” Jadi apabila Rasulullah s.a.w. bersembahyang dengan menghadap isterinya ‘Aaisyah yang berbaring di atas katil di sebelah qiblatnya, ia menunjukkan tidak makruh orang lelaki bersembahyang dalam keadaan menghadap mana-mana orang perempuan, dengan syarat ia tidak terganggu dengan keadaan itu. Anda mungkin tertanya-tanya, di manakah letaknya dalil Bukhari di dalam hadits ‘Aaisyah ini? Di dalamnya tidak tersebut pun Nabi s.a.w. atau mana-mana lelaki lain bersembahyang dengan menghadap orang lelaki? Zahir hadits ‘Aaisyah hanya menunjukkan lelaki boleh bersembahyang dengan menghadap orang perempuan jika ia tidak terganggu. Jawapan Kirmaani bagi pihak Bukhari ialah hukum lelaki dan perempuan adalah sama kecuali yang dikhususkan untuk lelaki atau perempuan sahaja oleh syari’at. Dalam masalah ini kekhususan itu tidak ada. Maka tidak makruh jugalah bersembahyang dengan menghadap lelaki jika orang yang bersembahyang tidak terganggu dengannya. (2) Ibnu al-Munaiyyir berkata: “Kalau menghadap orang perempuan ketika bersembahyang tidak makruh dan dibolehkan, menghadap orang lelaki lebih-lebih lagi tidak makruh dan dibolehkan. Tetapi hadits di atas tidak jelas tentang ‘Aaisyah berhadapan muka dengan Nabi s.a.w. ketika bersembahyang itu. Boleh jadi ‘Aaisyah tidur dengan menyerong atau dengan membelakangi Baginda s.a.w.” (3) Ibnu Rusyaid berkata: “Bukhari bermaksud menyatakan bahawa kemungkinan terganggunya orang lelaki yang sedang bersembahyang dengan keberadaan orang perempuan di hadapannya - biar dalam keadaan bagaimana sekalipun adanya - adalah lebih kuat daripada keberadaan orang lelaki di hadapannya. Namun begitu sembahyang Rasulullah s.a.w. tidak terjejas oleh adanya ‘Aaisyah di hadapan Baginda. Ini kerana Baginda s.a.w. tidak terganggu dengan keberadaan ‘Aaisyah itu. Demikianlah juga tidak terjejas sembahyang orang-orang lain yang tidak terganggu dengan kehadiran seseorang di hadapannya. Lebih-lebih lagi yang berada di hadapannya itu orang yang sama jenis dengannya.” (4) Bagi penulis, Imam Bukhari sebenarnya memahami tidak makruh bersembahyang dalam keadaan berhadapan muka dengan seseorang daripada kata ‘Aaisyah: *وَأَكْرَهُ أَنْ أُسْتَقْبِلَهُ* (dan aku tidak senang menghadap Baginda / berhadapan muka dengannya). Perkataan *أَكْرَهُ* asalnya bererti aku tidak senang / aku tidak suka. Kemudian perkataan ini dipakai ulama muta’akhkhirin dengan erti aku menganggap makruh. Sama ada tanzih atau tahrim. Kalau perkataan yang diguna ‘Aaisyah itu dipakai dengan erti yang dipakai ulama muta’akhkhirin sekalipun, ia hanya pendapat ‘Aaisyah jua. Rasulullah s.a.w. sendiri tentunya tidak menganggap makruh. Kalau tidak, sudah tentu Beliau s.a.w. tidak bersembahyang dengan menghadapnya. Sudah tentu Beliau s.a.w. melarang ‘Aaisyah tidur di hadapannya. Kerana kalau ‘Aaisyah bangun untuk buang air atau untuk tujuan-tujuan yang lain, dia akan duduk dahulu, lalu menghulurkan kaki ke bawah katil. Bukankah pada ketika

ma'nanya dengan hadits ini diriwayatkan juga daripada al-A'masy daripada Ibrahim daripada al-Aswad daripada 'Aaisyah.⁸³⁸

باب الصلاة خلف النائم

76- Bab Bersembahyang Di Belakang Orang Yang Sedang Tidur.⁸³⁹

itu Nabi s.a.w. yang sedang bersembahyang akan berhadapan muka dengannya, walaupun untuk seketika jua? Keadaan *إستقبال* (berhadapan muka dengan Rasulullah s.a.w. ketika Baginda sedang bersembahyang) itulah yang tidak disenangi 'Aaisyah sebenarnya. Kerana takut akan berhadapan muka itulah 'Aaisyah menggelongsor (meloloskan diri) perlahan-lahan melalui kaki katil. Tetapi itu semua dilakukan oleh 'Aaisyah atas dorongan rasa hormatnya terhadap Rasulullah s.a.w. semata-mata. Beliau tidak disuruh Rasulullah s.a.w. supaya berbuat begitu. Boleh jadi juga Imam Bukhari beristidlal dengan umum keadaan *(الاستدلال بعموم الحال)* orang yang tidur, atau beliau beristidlal dengan segala keadaan yang mungkin berlaku *(الاستدلال بكل الاحتمالات)*. Ini juga salah satu method yang selalu diguna pakai oleh Bukhari di dalam kitab Sahihnya ini. Maksudnya ialah mungkin sekali berlaku 'Aaisyah yang tidur atau berbaring di atas katil itu pada ketika-ketika tertentu berpusing ke arah Rasulullah s.a.w. yang sedang bersembahyang di belakangnya lalu tidur atau berbaring di atas lambung kirinya. Ketika itu tentunya akan berlaku Rasulullah s.a.w. bersembahyang dalam keadaan berhadapan muka dengan 'Aaisyah. Jelas sekali bahawa inilah tempat ambilan Bukhari untuk tajuk bab yang dibuatnya di atas. Hadits 'Aaisyah ini telah pun berlalu di bawah *باب الصلاة إلى السرير*. Hadits no:478. Untuk mendapat pengajaran, panduan dan hukum-hakamnya sila lihat nota no:821 di bawahnya.

⁸³⁸ Maksud Bukhari ialah hadits 'Aaisyah ini diriwayatkan juga daripada A'masy melalui saluran yang lain iaitu saluran Ibrahim daripada al-Aswad daripada 'Aaisyah. Tetapi lafaznya tidak betul-betul sama dengan riwayat beliau melalui saluran Muslim ibnu Shubaih daripada Masruq daripada 'Aaisyah. Ma'nanya saja sama. Itulah yang dimaksudkan dengan perkataan *نحوه* di akhir keterangan Bukhari di atas. Apa yang disebut Bukhari ini boleh jadi sebuah ta'liq semata-mata atau ia merupakan keterangan 'Ali bin Mushir dengan isnad sebelumnya juga. Jika begitulah hakikatnya, maka hadits A'masy dengan isnadnya daripada Ibrahim daripada al-Aswad daripada 'Aaisyah juga maushul.

⁸³⁹ Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menyatakan beberapa perkara berikut: (1) Khilaf ulama tentang bersembahyang di belakang orang yang sedang tidur. Ada yang mengatakan bersembahyang di belakang orang yang sedang tidur itu makruh hukumnya. Alasannya ialah terdapat larangan Rasulullah s.a.w. daripada bersembahyang di belakang orang yang sedang tidur. Sekurang-kurangnya ia memberi erti makruh. Selain itu kemungkinan berlaku sesuatu yang mengganggu khusyu' orang yang sedang bersembahyang besar sekali. Bahkan sembahyangnya mungkin terbatal jika ia tergelak kerana geli hati melihat atau mendengar sesuatu yang lucu misalnya terjadi pada orang yang sedang tidur di hadapannya. Kerana itulah Imam Malik berkata: "Seseorang tidak boleh bersembahyang di belakang orang yang sedang tidur kecuali kalau ada sutrah di antaranya dan orang yang sedang tidur di hadapannya." Demikian juga kata Thaawus. Mujahid pula berkata: "Lebih baik lagi aku bersembahyang di belakang orang yang duduk